



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

## DAPATKAN KAD CERIA ANDA HARI INI

**KUALA LUMPUR, 30 Mac 2017** – Sebanyak 1 juta Kad Ceria diagihkan kepada warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan secara percuma terutamanya yang tinggal di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di Kuala Lumpur. Pengedaran kad ceria ini adalah melalui Pejabat-Pejabat Cawangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Pusat Khidmat Masyarakat Wilayah Persekutuan serta Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP).

Kad Ceria ini merupakan penjenamaan semula daripada Program Kad Ceria Wilayah Persekutuan yang telah dilancarkan pada tahun 2015. Kini, penggunaan Kad Ceria ini telah diperluaskan dengan berkonsepkan pemberian diskaun secara terus semasa pembayaran kepada pemegang kad. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk membantu rakyat dalam menangani kos sara hidup yang tinggi terutamanya di Wilayah Persekutuan.

Sebanyak 220 syarikat yang melibatkan 440 cawangan dari pelbagai bidang di seluruh Parlimen di Wilayah Persekutuan telah bekerjasama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan untuk memberikan diskaun secara terus kepada pemegang Kad Ceria sehingga 70%.

Antara rakan dagang adalah seperti 7-Eleven Malaysia Sdn. Bhd, Berjaya Hotels & Resorts, Berjaya University College of Hospitality, BORDERS, Kenny Rogers, KK Supermart & Superstore Sdn. Bhd, KLCC Food Truck, Menara Kuala Lumpur, Mydin

Muhamed Holdings Bhd, Pusat Pakaian Hari-Hari, Radioshack, Rasa Utara, Singer, Wendy's dan banyak lagi *merchant* yang terlibat. Diskaun juga turut diberikan terhadap penggunaan fasiliti yang dimiliki oleh DBKL, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan.

Semua rakan dagang yang bekerjasama dalam Kad Ceria ini turut diberi keistimewaan dengan mendapat diskon sebanyak 5 hingga 20 peratus untuk memperbaharui Lesen Premis Perniagaan manakala 50 peratus diskon apabila memperbaharui Lesen Penjaja.

KWP sentiasa berusaha untuk membantu warga Wilayah Persekutuan dalam mengurangkan kos sara hidup yang tinggi. Oleh itu, pemegang Kad Ceria ini boleh menggunakan kelebihan yang diberikan untuk membuat perancangan pembelanjaan harian keluarga.

**Disediakan oleh:**

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur  
30 Mac 2017